

POLEMIK KHATAN PEREMPUAN DI INDONESIA

Deris Arista Saputraⁱ, Zul-kifli Hussinⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Ph.D, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: derisaristasaputra@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: zul-kifli@usas.edu.my

ABSTRAK

Khatan perempuan di negara Indonesia masih menjadi amalan yang dipertikaikan melibatkan pembuangan atau pembedahan tisu genital wanita. Pendapat terhadap amalan ini bervariasi tergantung pada konteks agama, budaya, dan sedunia. Sehingga dapat mempengaruhi hukum yang ditetapkan oleh pemerintah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan memahami status hukum khatan perempuan di Indonesia berdasarkan peraturan hukum yang ada. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi dan menjelaskan pendapat hukum Islam mengenai khatan wanita serta tafsiran amalan ini, serta untuk mengkaji kesan fatwa agama terhadap amalan khatan perempuan di Indonesia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, manakala pengumpulan data menggunakan kaedah kajian kepustakaan (*Library Research*). Kaedah ini dilakukan dengan mengumpulkan data dari berbagai sumber yang relevan, seperti buku, jurnal, artikel ilmiah, fatwa keagamaan, serta dokumen pendukung. Analisis deskriptif digunakan untuk mengidentifikasi dan mendeskripsikan berbagai sudut hukum yang mengatur khatan wanita, pendapat dalam hukum Islam, serta peran fatwa keagamaan dalam amalan ini. Hasil kajian menunjukkan Peraturan Pemerintah Nomor 28 Tahun 2024 melarang amalan sunat perempuan di Indonesia untuk melindungi kesihatan reproduksi anak-anak dan meningkatkan kesadaran terhadap hak-hak wanita. Majelis Ulama Indonesia (MUI) memandang khatan wanita sebagai bagian dari syariat Islam yang diperbolehkan dengan syarat dilakukan secara aman dan tidak membahayakan kesihatan. MUI dan Kongres Ulama Perempuan Indonesia (KUPI) berbeda pendapat mengenai khatan wanita, dengan MUI mendukung amalan aman sesuai syariat dan KUPI menolak karena alasan medis. Sementara itu, keputusan yang ditetapkan sebaiknya mengatur pelaksanaannya oleh tenaga medis terlatih untuk menghindari salah tafsiran antara sunat wanita dalam Islam dan amalan Female Genital Mutilation/Cutting (FGM/C).

Kata-kata Kunci: Dharar, Female Genital Mutilation/Cutting (FGM/C), Hifz al-Din, Khitan, Kongres Ulama Perempuan Indonesia (KUPI)

PENDAHULUAN

Amalan berkhatan merupakan sebahagian penting daripada budaya keagamaan di Indonesia yang telah wujud sejak sekian lama. Syariat ini berasaskan ajaran Nabi Ibrahim A.S. dan merupakan perintah daripada Allah SWT. Syariat ini kekal terpelihara dan masih menjadi sebahagian daripada ajaran Rasulullah SAW, seperti juga ibadah korban, haji, umrah, dan syariat berkhatan. Perintah untuk mengamalkan ajaran Nabi Ibrahim A.S. terkandung dalam ayat Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 123, yang bermaksud "*Hendaklah kamu mengikuti ajaran Ibrahim yang lurus*". Dalam Shahih Bukhari, dikisahkan bahawa Nabi Ibrahim melaksanakan khatan pada usia 80 tahun (Nurasiah, 2015). Dalam budaya masyarakat, berkhatan bagi lelaki telah menjadi amalan yang melibatkan pemotongan kulit hadapan zakar bagi mengelakkan kotoran yang boleh menjadi tempat pembiakan bakteria. Sekiranya kulit hadapan zakar tidak dibuang, geseran dengan pakaian boleh mengurangkan kepekaan saraf pada kulit kepala zakar. Oleh itu, ulama fiqh mewajibkan berkhatan bagi lelaki atas alasan menjaga kesihatan serta meningkatkan kesejahteraan dalam hubungan suami isteri.

Berkhatan bukan sahaja diwajibkan kepada lelaki, malah turut dianjurkan dalam syariat bagi wanita. Namun, pendapat mengenai berkhatan wanita berbeza-beza; ada yang menyokong serta menggalakkannya, manakala ada juga yang melarangnya. Walaupun begitu, sebahagian masyarakat tidak terlalu memperbesarkan perbezaan pendapat ini dan tetap melaksanakan serta merayakan khatan wanita sebagai sebahagian daripada amalan dan syi'ar Islam. Perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai berkhatan wanita dianggap sesuatu yang boleh diterima, memandangkan ramai ulama berpendapat bahawa tidak terdapat dalil atau nas yang secara jelas menetapkan hukum berkenaan berkhatan bagi wanita (Jannah, 2021). Perbezaan pendapat ini timbul berdasarkan hasil penilaian dan cara pengambilan hukum masing-masing ulama.

Di sisi lain, berkhatan wanita tetap menjadi isu yang kompleks, terutamanya di negara-negara yang mengamalkan cara berkhatan yang sangat melampau hingga menyebabkan kecederaan berat, walaupun data yang sah mengenai fenomena ini masih tidak ada. Penting untuk dicatat bahawa sudut hukum berkhatan masih menjadi perdebatan dan sering kali bercampur dengan budaya, sehingga prinsip-prinsip hukum yang sepatutnya jelas menjadi kabur. Dengan kata lain, muncul masalah apabila hukum mula bercampur dengan budaya dan juga berkaitan dengan elemen perubatan (kesihatan).

Pendapat yang berbeza muncul dalam kalangan ulama mengenai berkhatan wanita, disertai dengan pelbagai alasan, yang menunjukkan kemungkinan "campur tangan tradisi dan budaya" yang mempengaruhi keputusan ulama dalam melakukan penafsiran yang terdapat dalam Al-Qur'an serta Hadis, khususnya Hadis Nabi SAW. Selain itu, amalan berkhatan sendiri telah wujud dalam kalangan golongan Arab, Yahudi, serta masyarakat lain sebelum kedatangan Islam. Tambahan pula, keempat mazhab fiqh, iaitu Maliki, Hanafi, Syafi'i, serta Hambali, juga mempunyai pendapat yang berbeza mengenai berkhatan wanita. (Astuti, 2024). Ulama Maliki dan Hanafi secara majoriti menganggap berkhatan wanita sebagai sunnah, sementara sebahagian kecil menganggapnya mustahab (digalakkan). Bagi ulama Hambali, persetujuan masih belum dicapai, dengan terdapat golongan yang menyatakan bahawa berkhatan

perempuan adalah wajib, manakala yang lain menganggapnya mustahab (digalakkan) (Ghazali, 2021).

Pada masa lalu, di Indonesia, berkhatan bagi anak perempuan sering dilakukan pada usia 17 atau 18 tahun (sebelum mereka mula mengalami haid). Di kawasan pedalaman, amalan berkhatan lazimnya dijalankan oleh pengamal perubatan tradisional, yang sering menimbulkan risiko serius terhadap keselamatan anak perempuan (Ariesta, 2018). Ada beberapa pengamal perubatan tradisional yang berpendapat bahawa berkhatan yang berkesan harus melibatkan pemotongan klitoris dengan cara yang mendalam menggunakan pisau cukur (silet), untuk memastikan tidak ada bahagian yang tertinggal daripada organ sensitif tersebut. Akibatnya, pendarahan yang berlebihan sering berlaku, bahkan kadang-kadang boleh mengakibatkan kematian. (Al-Sa'adawi, 2001). Berkhatan di Indonesia, selain dilakukan oleh pengamal perubatan tradisional, juga dilaksanakan oleh tenaga kesihatan, termasuk perawat, bidan, dan doktor yang telah mendapat kelayakan serta pengesahan untuk mengamalkan perubatan secara sah.

Kerajaan Indonesia secara rasmi melarang khatan wanita melalui penetapan Peraturan Pemerintah (PP) Bilangan 28 Tahun 2024, yang selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyatakan bahawa amalan ini tidak memberikan manfaat dan berisiko terhadap kesihatan. Keputusan ini menimbulkan pertikaian, dengan tuduhan bahawa larangan tersebut lebih bersifat serangan terhadap syariat Islam daripada demi menjaga kesihatan wanita. PP Kesihatan 2024 bertujuan untuk menyokong kekuatan sistem pembiakan kanak-kanak (Kemenkes, 2024) Walaupun sebelum ini Kementerian Kesihatan telah membatalkan peraturan yang memperbolehkan khatan wanita melalui Peraturan Menteri Kesihatan Bilangan 6 Tahun 2014, panduan jelas mengenai penghapusan khatan wanita baru ditegaskan dalam PP Bilangan 28 Tahun 2024.

Jenis keganasan seksual termasuk dalam kategori yang boleh membahayakan keselamatan wanita, yang dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai Female Genital Mutilation/Cutting (FGM/C). Amalan ini juga disebut sebagai pemotongan atau pelukaan genitalia wanita (P2GP), dan di kalangan masyarakat, ia lebih dikenali sebagai khatan wanita (Pratiwi, 2022). P2GP tidak memberikan sebarang manfaat perubatan dan sebaliknya berisiko mengakibatkan masalah serius seperti jangkitan, pendarahan, dan bahkan kematian (Rahmani & Zakiah, 2023). Oleh itu, hal ini sejalan dengan usaha sedunia WHO untuk melindungi kesihatan dan keselamatan wanita.

P2GP, yang telah menjadi amalan dan memperoleh pengiktirafan daripada beberapa kumpulan agama, masih menghadapi penolakan daripada sebahagian masyarakat. Dalam usaha menangani isu ini, Kerajaan Indonesia telah melaksanakan pelbagai keputusan. Namun, sehingga kini, setiap kali peraturan baharu dikeluarkan, P2GP sering kali mendapat tentangan daripada pelbagai pihak. Pada tahun 2006, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Dirjen Bina Kesihatan Masyarakat yang melarang medikalisasi khatan wanita oleh tenaga kesihatan. Namun, pekeliling ini tidak bertahan lama kerana dianggap bertentangan dengan peraturan Undang-Undang Bilangan 10 Tahun 2004 mengenai Pembentukan

Perundang-Undangan dan menerima kritikan daripada masyarakat yang masih mengamalkan amalan khatan wanita.

Isu khatan terhadap wanita juga mendapat perhatian melalui pengeluaran fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI), yang menegaskan bahawa khatan, baik untuk lelaki mahupun wanita, merupakan sebahagian daripada syiar Islam serta fitrah (aturan). Penegasan ini adalah penting untuk mengatasi salah faham mengenai kedudukan khatan. Proses khatan yang dilaksanakan tidak hanya dianggap sebagai keperluan perubatan, tetapi juga sebagai satu bentuk ibadah yang bersifat “dogmatik” (MUI, 2008). Walaupun dari sudut pandang perubatan belum ada bukti manfaat yang jelas mengenai pelaksanaan khatan, hal ini tidak serta-merta menjadikannya terlarang. Pendapat ini berbeza dengan pendekatan perubatan yang biasanya akan melarang khatan jika tidak ada pertimbangan perubatan yang menyokong (MUI, 2008).

Walaupun bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa Fatwa MUI juga memahami adanya risiko dalam amalan khatan terhadap wanita yang boleh menyebabkan bahaya. Oleh itu, bagi mengelakkan risiko akibat penyelewengan dalam amalan khatan wanita, Fatwa MUI menetapkan batasan atau tatacara khatan yang sesuai dengan ketetapan syaria’ah, seperti yang dinyatakan dalam pernyataan ketiga fatwa tersebut. Penetapan batasan ini adalah berdasarkan petunjuk Nabi SAW, yang menekankan tiga prinsip iaitu a) dilakukan dengan sedikit, b) tidak berlebihan, serta c) tidak membawa kepada bahaya (MUI, 2008).

Kalangan yang tidak bersetuju dengan amalan P2GP adalah kumpulan yang menentang amalan tersebut, termasuk penyokong hak-hak wanita. Mereka berpendapat bahawa P2GP mempunyai kesan negatif terhadap psikologi, terutamanya dari segi kesihatan wanita, dan ia merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia (HAM). Usaha mereka untuk mencegah amalan ini di Indonesia mendapat sokongan daripada Komnas Perempuan, Kementerian Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak (KPPPA), serta lembaga gerakan KUPI (Kongres Ulama Perempuan Indonesia). Namun, mereka menghadapi cabaran besar dalam usaha ini, terutamanya ketika berurusan dengan pemuka agama seperti MUI dan organisasi masyarakat Islam lain yang menganggap khatan wanita sebagai sebahagian daripada ajaran Islam. Penyelidikan oleh PSKK UGM dan Komnas Perempuan pada tahun 2017 menunjukkan bahawa amalan khatan wanita dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk keluarga, tokoh adat, tokoh agama, serta tokoh masyarakat, dengan alasan utama merujuk kepada pengajaran agama (Komnas Perempuan, 2018).

Dengan demikian, dalam kajian ini yang memberi tumpuan kepada khatan wanita, tujuannya adalah untuk menganalisis dan memahami status hukum khatan wanita di Indonesia berdasarkan peraturan yang sedia ada. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti dan menjelaskan tafsiran hukum Islam mengenai khatan wanita serta pemahaman amalan ini. Selain itu, kajian ini akan mengkaji kesan fatwa keagamaan terhadap amalan khatan wanita di Indonesia.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan yang sistematik. Kaedah ini dilaksanakan dengan mengumpulkan data daripada pelbagai sumber yang relevan, termasuk

buku, jurnal, artikel ilmiah, fatwa keagamaan, dan dokumen undang-undang yang membincangkan status hukum, perspektif Islam, serta fatwa keagamaan yang berkaitan dengan amalan khatan wanita di Indonesia. Dalam kajian ini, analisis yang bersifat deskriptif digunakan untuk mengenal pasti dan menghuraikan pelbagai sudut hukum yang mengatur khatan wanita, pendapat dalam hukum Islam, serta peranan fatwa keagamaan dalam pelaksanaan amalan ini. Dengan menggabungkan kaedah penyelidikan perpustakaan dengan kajian terhadap sumber-sumber hukum dan agama, kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai isu khatan wanita di Indonesia.

Analisis akan dijalankan dengan meneliti bagaimana undang-undang yang berkuatkuasa di Indonesia mengatur amalan khatan wanita, bagaimana hukum Islam memandangnya melalui tafsiran ulama, serta bagaimana fatwa yang dikeluarkan oleh institusi keagamaan mempengaruhi pelaksanaan khatan wanita dalam masyarakat. Kaedah ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan dan mencapai matlamat yang telah dirumuskan, dengan memberikan pemahaman yang menyeluruh dan terstruktur mengenai topik yang dikaji.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Status Hukum Khatan Wanita di Indonesia

Dapat diperhatikan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara khatan wanita dan khatan lelaki, di mana khatan wanita, atau yang dikenali sebagai khifadh, mempunyai variasi yang lebih luas. Dalam istilah perubatan, khatan wanita sering dirujuk sebagai penyunatan, yang merujuk kepada pemotongan organ kelamin wanita dan juga dikenali sebagai FGM atau Female Genital Mutilation. (Sholeh, 2012). Menurut Althus, seperti yang dipetik, (Suparjo et al., 2017), Khatan wanita adalah satu tindakan yang melibatkan penghilangan keseluruhan atau sebahagian daripada bahagian kelamin wanita, atau pelaksanaan tindakan tertentu yang bertujuan untuk mengurangkan atau menghilangkan sensitiviti pada bahagian kelamin tersebut. Huraian ini dikuatkan lagi dengan definisi daripada (Kerong, 2008) FGM, yang merujuk kepada tindakan pemotongan keseluruhan atau sebahagian organ genital yang terdapat pada wanita, biasanya dilakukan terhadap bayi ataupun anak perempuan sebelum mereka mencapai usia aqil baligh.

Dalam penyelidikannya (Erwanti & Rahayu, 2012) menjelaskan bahawa kekurangan dalam isu jantina berperanan penting dalam mengabaikan hak, kebebasan, dan kehidupan seksual wanita, yang mengakibatkan terjadinya bentuk kekerasan berdasarkan struktur yang berasaskan budaya oleh masyarakat dan kerajaan terhadap wanita. Keadaan ini menyebabkan penderitaan fizikal dan seksual, termasuk sekatan kebebasan dalam menikmati aktiviti seksual, yang dapat dilihat melalui amalan khatan wanita. Pernyataan ini didasarkan pada bukti bahawa beberapa bentuk khatan wanita yang mengancam nyawa dan dianggap ekstrem, seperti yang dilaporkan oleh WHO, termasuk dalam kategori FGM (Female Genital Mutilation), Circumcision, serta Female Genital Cutting (FGC). WHO mendefinisikan khatan wanita sebagai “semua prosedur yang melibatkan penghilangan sebahagian atau seluruh bahagian kelamin eksternal wanita atau cedera lain pada organ genital wanita, sama ada untuk alasan budaya, agama, atau alasan bukan perubatan yang lain.”(WHO, 2024).

Berdasarkan (Farida et al., 2017), Pada tahun 2004, berdasarkan data WHO, terdapat beberapa jenis dan bentuk khatan wanita yang telah dikenal pasti. Pertama, penghilangan sebahagian permukaan organ genital tanpa pembuangan keseluruhannya atau hanya sebahagian daripadanya. Kedua, pembuangan klitoris disertai pembuangan keseluruhan atau sebahagian labia minora. Ketiga, pembuangan keseluruhan atau hanya sebahagian organ genital yang berada di luar, disertai dengan proses menyempitkan atau menjahit lubang vagina, yang dikenali sebagai infibulasi. Keempat, pada klitoris dan labia dilakukan dengan melubangi, menusuk, atau merenggangkan. Kelima, merosakkan tisu pada kawasan angurya cuts atau lubang vagina, gishiri cuts atau memotong vagina, serta memasukkan bahan yang bersifat merosakkan atau tumbuhan dengan tujuan untuk menyempitkan vagina atau menyebabkan pendarahan.

Pemotongan klitoris boleh menyebabkan penurunan libido pada wanita dan mengurangkan atau menghentikan amalan onani, yang akhirnya menjadikan wanita yang mengalami khatan sukar untuk mencapai kemuncak semasa berhubungan seksual. (Kiaymodjo et al., 2024). Hal ini disebabkan oleh penurunan sensitiviti seksual akibat pemotongan klitoris, yang merupakan kawasan yang sangat peka dan penting dalam merasakan kenikmatan seksual. Klitoris yang sempurna membolehkan fungsi seksual yang lebih baik dan mengekalkan kepekaan yang diperlukan untuk pengalaman seksual yang optimum.

Di Indonesia, tatacara pelaksanaan khatan wanita diatur dalam Permenkes 1636/2010 mengenai “Sunat Wanita”. Dalam pertimbangan peraturan ini, kerajaan menekankan bahawa untuk melindungi wanita, pelaksanaan sunat wanita harus dilakukan berdasarkan ketentuan agama, standard profesion serta standard perkhidmatan bagi memastikan keselamatan dan keamanan wanita yang menjalani sunat.

Dengan semakin meningkatnya usaha pelarangan FGM yang dipimpin oleh organisasi-organisasi antarabangsa seperti UNICEF, WHO, dan lain-lain, inisiatif ini memainkan peranan penting dalam melindungi martabat wanita daripada amalan sunat yang dianggap sebagai bentuk kekerasan. Melalui Observasi Penutup, jawatankuasa CEDAW pada tahun 2007 dan 2012 telah memberikan cadangan agar Malaysia menyusun rencana aksi untuk menghapuskan FGM (Pratiwi, 2022). Menghadapi tekanan tersebut, Kementerian Kesihatan, melalui Ali Qufron Mukti sebagai Wakil Menteri Kesihatan, mengumumkan dalam satu siaran media bahawa Permenkes 1636/2010 mengenai “Sunat Wanita” telah dibatalkan. Keputusan ini diambil disebabkan oleh kekeliruan di kalangan banyak pihak yang menganggap amalan khatan wanita di Indonesia sama seperti di Afrika, di mana pemotongan bahagian kelamin wanita dilakukan. Sebenarnya, amalan di Indonesia hanya melibatkan pengikisan kulit di bahagian depan klitoris menggunakan jarum steril tanpa melukai. Berdasarkan alasan kekeliruan ini, Kementerian Kesihatan memutuskan untuk membatalkan peraturan tersebut (VOA Indonesia, 2018).

Perubahan peraturan mengenai amalan sunat wanita di Indonesia telah berlaku beberapa kali, mencerminkan perbezaan pendapat dan tekanan daripada pelbagai pihak. Pada tahun 2006, Kementerian Kesihatan mengeluarkan Surat Edaran (SE) yang melarang petugas kesihatan melaksanakan sunat wanita, memandangkan amalan ini tidak mempunyai manfaat medis yang

jasas. SE tersebut menegaskan bahawa sunat wanita tidak disokong oleh bukti ilmiah mengenai manfaat kesihatan, sehingga petugas kesihatan disarankan untuk tidak melakukan prosedur ini.

Sebagai respon kepada keputusan tersebut, MUI pada tahun 2008 mengeluarkan fatwa No. 9A yang menyatakan bahawa sunat wanita adalah sebahagian daripada syiar Islam. Walaupun amalan ini tidak diakui mempunyai manfaat perubatan, fatwa tersebut menetapkan bahawa sunat wanita adalah amalan yang dianjurkan dalam konteks keagamaan. Perbezaan pendapat antara MUI dan Kementerian Kesihatan menyebabkan ketegangan dalam keputusan, mendorong Kementerian Kesihatan pada tahun 2010 untuk mengeluarkan perundangan yang mengatur batas pelaksanaan sunat wanita oleh tenaga kesihatan, tanpa melarang amalan tersebut secara langsung.

Perundangan yang diterbitkan pada tahun 2010 tidak melarang amalan sunat secara tegas, tetapi hanya mengatur prosedur pelaksanaannya oleh tenaga kesihatan. Namun, pada tahun 2014, Kementerian Kesihatan mencabut peraturan tersebut dan memberi kuasa kepada Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Syara' untuk merumuskan petunjuk baru mengenai sunat wanita yang menghindari amalan mutilasi. Keputusan ini menunjukkan usaha untuk menyeimbangkan kepatuhan terhadap syariat agama dan perlindungan kesihatan, sambil mengelakkan kesan negatif daripada amalan tersebut.

Perubahan peraturan ini lazimnya menyebabkan kekeliruan di kalangan tenaga kesihatan, seperti bidan, yang masih menghadapi tekanan masyarakat untuk meneruskan amalan sunat wanita. Pada tahun 2017, kajian oleh PSKK UGM dan Komnas Perempuan menunjukkan bahawa sunat wanita terus berlanjut di Indonesia disebabkan oleh faktor agama dan amalan yang telah lama mengakar dalam budaya masyarakat. Meskipun terdapat peraturan, amalan sunat wanita tetap menjadi sebahagian daripada amalan tempatan yang sukar diubah.

Pada tahun 2024, kerajaan mengambil langkah tegas dengan menerbitkan Peraturan Pemerintah No. 28 mengenai Pelaksanaan Undang-Undang No. 17 Tahun 2023 tentang Kesihatan. Peraturan ini secara rasmi melarang amalan sunat wanita, dengan tujuan untuk melindungi kesihatan reproduksi, khususnya bagi balita, bayi, dan anak prasekolah. Larangan ini bertujuan untuk menghindari risiko kesihatan yang berkaitan dengan amalan sunat serta memberikan pendidikan yang lebih baik mengenai organ reproduksi dan perbezaan jantina.

Peraturan Pemerintah ini juga merangkumi usaha meningkatkan pendidikan masyarakat mengenai kesan negatif sunat wanita serta pentingnya perlindungan kesihatan. Dengan adanya larangan ini, kerajaan berusaha mengurangkan amalan sunat yang berisiko tinggi dan memastikan bahawa prosedur perubatan dilaksanakan dengan mempertimbangkan keselamatan dan kesejahteraan individu. Ini menandakan perubahan penting dalam keputusan kesihatan berkaitan sunat wanita di Indonesia.

Komnas Perempuan menggalakkan agar keputusan pelarangan sunat wanita tidak hanya berlaku untuk kanak-kanak tetapi diperluas kepada wanita di semua peringkat usia. Cadangan ini bertujuan memastikan perlindungan yang lebih menyeluruh dan mencegah amalan sunat

yang mungkin masih berlaku di kalangan wanita dewasa. Cadangan ini mencerminkan usaha untuk melindungi hak-hak wanita secara lebih menyeluruh dan menunjukkan kemajuan dalam perjuangan melawan amalan yang dianggap merugikan.

Perspektif Hukum Islam Terhadap Khatan Wanita

Masyarakat di Indonesia mengalami kekeliruan mengenai isu-isu yang hukumnya belum jelas atau pasti, seperti khatan bagi wanita. Amalan khatan ini dianggap sebagai hasil pemahaman yang keliru yang menyebar di kalangan penganut agama tertentu (Siraj, 2013). Di samping itu, terdapat pelbagai kaedah pelaksanaan khatan yang dilakukan terhadap wanita, yang menimbulkan risiko bahaya (dharar), termasuk mencubit, menusuk, mengerik, menggores, serta menindik melalui potongan dan penyisipan. (MUI, 2011).

Ada keyakinan yang meluas bahawa dengan menghilangkan bahagian tertentu pada organ kelamin luar wanita, hasrat seksual wanita dapat dikurangkan. Namun, pendapat mengenai khatan wanita ini berbeza dengan kepercayaan para amalannya. Mereka berpendapat bahawa penyunatan yang berkesan memerlukan pemotongan mendalam menggunakan silet untuk memastikan klitoris terpotong sepenuhnya, tanpa meninggalkan bahagian sensitif seksual. Amalan ini sering kali mengakibatkan pendarahan yang serius, yang dalam beberapa kes, boleh berujung kepada kematian (Siraj, 2013). Oleh kerana itu, diperlukan intervensi dan peraturan yang tegas untuk melindungi wanita daripada risiko kesihatan yang serius akibat amalan ini.

MUI sebagai badan separa kerajaan berperanan sebagai autoriti dalam memberikan penyelesaian atas isu-isu yang berkaitan dengan hukum Islam. MUI boleh mengeluarkan fatwa melalui pertimbangan kepentingan kerajaan di samping menjaga keyakinan yang diajarkan kepada sebahagian besar umat Islam. Mengenai khatan wanita, dalam konteks fatwa yang dikeluarkan, MUI merespons permintaan Kementerian Pemberdayaan Wanita berdasarkan kajian lembaga-lembaga yang mendapati adanya penyimpangan dalam amalan khatan di beberapa daerah di Indonesia, yang berpotensi membahayakan wanita. Namun, MUI beranggapan bahawa isu hukum khatan terhadap wanita telah diputuskan secara muktamad dan tidak memerlukan fatwa baru, dengan penekanan kepada pengeluaran fatwa yang menanggapi inisiatif pelarangan khatan bagi wanita secara umum.

Berhubung dengan isu ini, sikap terbaru MUI masih merujuk kepada dasar mengenai penghapusan sunat wanita dan huraian Fatwa 9A/2008. MUI menegaskan bahawa fatwa tersebut sudah meliputi panduan yang jelas dalam Islam, yang perlu diamalkan tanpa membahayakan kesihatan wanita. Meskipun terdapat tekanan untuk melarang sunat wanita secara umum, MUI tetap mempertahankan pendapatnya bahawa amalan ini boleh dilakukan selagi mengikuti pedoman yang telah ditetapkan, serta menegaskan bahawa tidak terdapat penyimpangan terhadap hak-hak kesihatan wanita yang berlaku.

Berkaitan dengan sunat wanita, fatwa MUI menegaskan bahawa amalan sunat, baik untuk lelaki mahupun wanita, merupakan sebahagian daripada syiar Islam dan dianggap sebagai bentuk ibadah. Argumentasi ini berasaskan ayat-ayat Al-Qur'an yang umum, seperti dalam

surah Ali Imran (3) ayat 95, surah An-Nisaa (4) ayat 125, dan surah An-Nahl (16) ayat 123, yang semuanya menekankan kepentingan mengikuti “Millah” (agama) Nabi Ibrahim A.S. Huraian dari ayat-ayat Al-Qur'an ini menjadi dasar utama yang menegaskan bahawa sunat adalah sebahagian daripada ajaran agama yang mesti dipatuhi oleh umat Islam.

Teori hukum Islam menjelaskan bahawa ibadah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu dogmatik (ta'abbudi/ghairu ma'qulatal ma'na) dan rasional (ta'aqquli/ma'qulat al ma'na). Meskipun sunat mungkin belum sepenuhnya dapat dijelaskan dengan huraian perubatan, amalan ini tetap dianggap sebagai bahagian penting daripada identiti agama dan ibadah yang perlu dipertahankan. MUI menegaskan bahawa sunat tetap harus dilaksanakan sebagai identiti agama dan bentuk ibadah. Ini menunjukkan bahawa sunat, walaupun tidak dapat dibenarkan secara rasional berdasar pada ilmu perubatan, tetap memiliki nilai spiritual dan simbolik yang penting dalam Islam. Oleh itu, keberadaan sunat harus dijaga sebagai sebahagian daripada keagamaan.

Dalam rujukan fiqh, Wahbah Zuhaili menjelaskan perbezaan pendapat di antara ulama mazhab mengenai status hukum sunat. Ulama dari mazhab Hanafi dan Maliki memandang sunat sebagai sunnah mu'akkadah untuk lelaki serta sebuah kemuliaan untuk wanita, namun mereka menganjurkan agar tidak melakukan pemotongan dengan cara yang berlebihan supaya wanita tetap dapat merasakan kenikmatan seksual. Sementara itu, Imam Syafi'i menganggap sunat sebagai kewajipan untuk lelaki dan wanita, manakala Imam Ahmad bin Hanbal mewajibkan sunat untuk lelaki dan hanya menganggapnya sebagai kemuliaan jika dilakukan pada wanita. Mazhab Maliki menekankan bahawa sunat sebaiknya dilakukan apabila anak mencapai usia untuk solat, iaitu sekitar usia tujuh hingga sepuluh tahun (Fadhli, 2015).

